

Sasar rekrut pelajar sekolah

SINAR HARIAN

M 5

16/6/2022

Seramai 178 pelajar ditahan terlibat kongsi gelap sejak 2016

KUALA LUMPUR

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil

Hassan berkata, pelajar sekolah merupakan salah satu sasaran untuk direkrut menjadi ahli kumpulan kongsi gelap.

"Ia bagi meningkatkan kekuatan atau jumlah keanggotaan sesebuah kumpulan kongsi gelap tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, kebiasaannya pembabitkan segelintir pelajar ke


dalam kongsi gelap itu terdiri daripada pelajar yang mempunyai masalah disiplin atau daripada keluarga bermasalah.

"Pembabitkan pelajar dalam kongsi gelap didapati berlaku, namun ia tidak serius dan dapat dibendung," ujarinya.

Abd Jalil berkata, PDRM turut mengadakan program pencegahan bersama pihak sekolah seperti mengadakan ceramah atau program kesedaran, pemantauan dan bimbingan terhadap pelajar bermasalah.

"Kita turut mewujudkan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang terdiri daripada pegawai polis di setiap sekolah untuk berkongsi maklumat dan tindakan bagi mengatasi penglibatan pelajar sekolah dalam kongsi gelap.

"Berdasarkan statistik PDRM dari 2016 hingga Mac lalu, se-



Sasaran kumpulan kongsi gelap untuk direkrut biasanya pelajar yang mempunyai masalah disiplin.

ramai 178 pelajar sekolah terbabit dalam aktiviti kumpulan kongsi gelap telah ditangkap atas kesalahan jenayah kekerasan," katanya.

Abd Jalil menambah, proses merekrut ahli baharu kumpulan

biasanya dimulakan dengan mencari ahli yang bersesuaian.

"Perkara ini akan dilakukan oleh ahli kongsi gelap yang diwajibkan mendapatkan ahli-ahli baharu sama ada dengan cara mempengaruhi, memujuk,

memperdaya atau memaksa seseorang menyertai sesuatu kumpulan kongsi gelap.

"Setelah sasaran (ahli baharu) bersetuju, ahli lama akan menjalankan pengawasan, pemerhatian, penerangan berkaitan kumpulan kongsi gelap ke atas ahli baharu sebelum menjalani proses angkat sumpah," katanya.

Abd Jalil berkata, proses seterusnya adalah upacara ritual yang ditetapkan mengikut cara kumpulan masing-masing.

"Upacara ini selalunya dilakukan di dalam hutan, kebun kelapa sawit atau rumah ibadat.

"Berikutan daripada pemantauan ketat oleh PDRM, kumpulan kongsi gelap ini mula mengubah masa dan tempat mengikut kesesuaian mereka dengan mengadakan upacara angkat sumpah dengan berselindung di sebalik penganjuran majlis makan malam atau program tertentu," katanya.

